

Kebajikan anak yatim mesti dipelihara: PM

Tabung pendidikan bukti usaha bentuk masyarakat berilmu

18-21/11/2007

Oleh Norfatimah Ahmad

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu kebajikan anak yatim dipelihara kerana golongan itu sebahagian modal insan yang mampu menyumbang untuk pembangunan negara.

Perdana Menteri berharap anak yatim tidak dipinggirkan dan perlu diberi didikan supaya menjadi masyarakat berilmu dan berguna.

“Skim Tabung Pendidikan Anak Yatim ini misalnya baik kerana ia menunjukkan kita perasaan kasih sayang kepada anak yatim terutama dengan memberikan pelajaran kepada mereka,” katanya ketika berucap pada majlis penyampaian Skim Tabung Pendidikan Anak Yatim Parlimen Titiwangsa dan Masjid Berkembar – Masjid Al-Jamiul Badawi Kepala Batas dan Masjid Jamek Kampung Baru di sini, semalam.

Skim ini diperkenalkan untuk membiayai anak yatim di tiga kariah berkenaan dengan mendapat perlindungan dan jaminan pembelajaran berterusan hingga berusia 21 tahun.

Seorang pemegang amanah dilantik pihak masjid untuk menjaga dan mengurus polisi sehingga pemegang mencapai usia 21 tahun.

Skim tabungan ini yang pertama dilaksanakan dalam institusi masjid sejajar konsep dan falsafah Islam Hadhari yang menjadikan masjid sebagai pusat penjana peningkatan mutu menerusi pembangunan insan, pendidikan, fizikal dan kesihatan.

Langkah ini bagi mengubah keadaan umat Islam daripada belunggu kemiskinan, kedaifan kepada kemakmuran dan kecemerlangan serta melahirkan generasi Muslim Hadhari progresif, dinamik dan bertakwa.

Abdullah turut mengumumkan sumbangan Tabung Kebajikan Allahyarham Endon Mahmood sebanyak RM100 seorang kepada 372 anak yatim, masing-masing 151 penerima dari masjid berkembar, manakala 221



UNTUK MASA DEPAN: Abdullah menyampaikan sumbangan kepada Dahari Damanhuri, 4, ditemani ibunya, Puspa Suria Suhaimi, 36, sambil diperhatikan Astaman (kanan) pada majlis penyampaian Skim Tabung Pendidikan Anak Yatim Parlimen Titiwangsa dan Masjid Berkembar di Kuala Lumpur, semalam.

FAKTA NOMBOR

Skim Tabung Pendidikan Anak Yatim

3

Kariah dibiayai

21

Usia dapat perlindungan dan jaminan pembelajaran

dari kawasan Parlimen Titiwangsa.

Turut hadir, Ahli Parlimen Titiwangsa, Datuk Astaman Abdul Aziz, Pengerusi Masjid Jamek Kampung Baru, Datuk Aziz Jamaluddin Mhd Tahir dan wakil Masjid Al-Jamiul Badawi, Muhammad Abu Bakar.

Abdullah berkata, selain bantuan menerusi skim berkenaan, tiga pihak terbabit disaran memikirkan rancangan dalam masa ke semasa untuk manfaat golongan itu.

“Kita mahu umat Islam maju di dunia dan bahagia di akhirat dan

itulah juga antara falsafah menerusi pendekatan Islam Hadhari,” katanya.

Malah, beliau juga mahu umat Islam membanyakkan kerja amal kerana ia bukan saja menjamin kebaikan di dunia, juga di akhirat.

“Berkerti dan menolong masyarakat boleh membantu seseorang itu menjadi insan yang baik,” katanya yang menggesa umat Islam berusaha mengembalikan kegemilangan Islam supaya selendang dengan bangsa lain di dunia.

MUHAJAN YAFIA | BERITA MINGGU